

Sabah sebagai hab kemajuan teknologi

Mohd Izham Bin Hashim

KOTA KINABALU: Sabah sudah bersedia menjadi hab kemajuan teknologi dengan inovasi digalakkan dan dipupuk secara aktif, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Beliau berkata, Sabah komited untuk membangunkan ekonomi berorientasikan masa depan melalui inovasi kerana dalam dunia yang berkembang pesat hari ini, integrasi teknologi dan inovasi amat penting dalam pembangunan ekonomi.

"Dalam usaha untuk memacu negeri ini ke hadapan, kerajaan negeri telah merangka satu visi yang jelas untuk memastikan Sabah menjadi sebuah hab inovasi yang dinamik dan berdaya saing di rantau ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Supercharger Sabah 2024 yang dianjurkan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (TiPM/MRANTI) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Selasa.

Hajiji mengambil contoh dalam sektor pertanian, Kerajaan Persekutuan menyalurkan lebih RM33 juta kepada Sabah pada Julai lalu dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan, iaitu langkah penting untuk mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil produk agromakanan.

"Dalam usaha untuk memacu negeri ini ke hadapan, kerajaan negeri telah merangka satu visi yang jelas untuk memastikan Sabah menjadi sebuah hab inovasi yang dinamik dan berdaya saing di rantau ini.

"Salah satu contoh usaha ini adalah Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) yang memberi fokus kepada tiga teras utama iaitu pertanian, perindustrian dan pelancongan," katanya, menambah inisiatif lain termasuk penekanan pada modal insan, kesejahteraan rakyat serta jaringan infrastruktur dan kelestarian hijau.

"Justeru, seiring dengan Dasar Keterjaminan Makanan Nasional, Sabah berhasrat untuk meningkatkan tahap sara diri makanan dengan menggalakkan inovasi dalam pengeluaran tanaman, penternakan dan perikanan.

"Sabah wajar perkasakan teknologi moden dalam sektor pertanian seperti penggunaan pertanian pintar, automasi dan mekanisasi untuk meningkatkan hasil dan kualiti produk, bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti, tetapi juga demi memastikan amalan pertanian yang mampan dan mesra alam," katanya.

Majlis itu juga menyaksikan Memorandum Persetujuan (MoA) antara TiPM dan UMS dengan objektif membangunkan pelbagai projek keterjaminan makanan, teknologi 4IR, dan mengkomersialkan harta intelek tempatan.

Perjanjian MoA akan membabitkan pemain utama dalam ekosistem dengan menggunakan kemudahan UMS di Mesilau untuk menjalankan projek sejajar dengan objektif pertanian. Teknologi terkini akan digunakan untuk memodenkan amalan pertanian dan meningkatkan produktiviti.

Perjanjian itu juga akan memudahkan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS untuk terus mengoptimalkan rantaian bekalan akuakultur, memastikan kecukupan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutif TiPM Datuk Wira Dr Rais Hussin berkata tumpuan juga akan diberikan kepada program untuk membina kapasiti dalam teknologi dan inovasi, yang merupakan langkah penting untuk mempercepatkan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan. Ini akan membolehkan terjemahan hasil penyelidikan lebih pantas dan berkesan kepada produk yang boleh dipasarkan.

"TiPM akan menyediakan sokongan tambahan dalam bentuk perkhidmatan mudah cara untuk melaksanakan program tersedia dan membantu memudahkan pelaburan berpotensi melalui rangkaian dengan pelbagai pihak berkepentingan. TiPM juga akan memudahkan pemindahan teknologi dan kemahiran, terutama bagi syarikat pemula, PKS, IKS, inovator, dan pemain industri lain," katanya.

Beliau berkata Supercharger Sabah adalah pencapaian penting yang bukan sahaja meletakkan Sabah sebagai hab inovasi dinamik tetapi juga sebagai pusat pengkomersialan yang pesat membangun.

"Objektif Supercharger Sabah termasuk membangunkan firma dan syarikat spin-off yang mampu menyediakan teknologi berasaskan 4IR untuk mengatasi cabaran negara seperti keselamatan makanan, meningkatkan pendedahan dan penglibatan TiPM dengan universiti dan pemain dalam ekosistem R&D&C&I, sambil meletakkan TiPM sebagai sumber utama teknologi sokongan dan inovasi," katanya.

Selain itu, beliau menyatakan inisiatif ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan jurang dalam proses R&D&C&I, serta mengoptimalkan strategi pengkomersialan untuk kemajuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang lancar, meningkatkan pertukaran pengetahuan mengenai penyelesaian inovatif dan taktik komersial dalam menangani cabaran negara.

Rais menyatakan objektif Supercharger Sabah adalah untuk menjadi penghubung antara akademik dan inisiatif yang diterajui oleh TiPM, dan mengaksas projek berpotensi dan berkongsi idea yang bertujuan untuk memper-

cepatkan inovasi dan pengkomersialan. Selain itu, beliau berkata ia juga bertujuan menggalakkan kerjasama dalam sektor pengkomersialan dalam ekosistem R&D&C&I dengan menggalakkan kerjasama strategik dan sinergi.

Hajiji berkata Sabah harus berada di hadapan dalam memanfaatkan teknologi pertanian moden untuk meningkatkan keterjaminan makanan, serta memastikan amalan pertanian mampan dan mesra alam.

Beliau berkata UMS telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk membantu industri dan masyarakat di Sabah melalui pengkomersialan inovasi mereka dan pemindahan pengetahuan kepada masyarakat.

"Tidak ketinggalan penyelidikan terkemuka seperti 'hybrid grouper', 'monkey malaria', dan banyak lagi. Pemilihan Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) UMS sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICOE) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia adalah kebanggaan rakyat Sabah dan bukti penyelidikan dan inovasi yang cemerlang oleh UMS," tambahnya.

Katanya, UMS telah mewujudkan ekosistem yang komprehensif untuk memperkukuh penyelidikan dan inovasi melalui penubuhan 4 kluster penyelidikan iaitu Kejuruteraan dan Teknologi, Perubatan dan Sains Hayat, Alam Sekitar dan Sains Gunaan serta Seni, Sains Sosial dan Kemasyarakatan.

Menurutnya, penubuhan Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (ICMC) pada 2021, menjadi pemangkin dalam memudahkan penyarah UMS mengkomersialkan inovasi mereka.

"Supercharger Series 2024 merupakan inisiatif strategik yang dirangka khusus untuk memacu kerjasama, penglibatan, dan perkongsian pengetahuan dalam ekosistem Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (R&D&C&I)," katanya.

Katanya, Program Supercharger membolehkan syarikat terbitan atau spin-off universiti, penyelidik, entiti sektor swasta, dan agensi dapat bekerjasama, belajar, dan menangani cabaran bersama-sama.

Hajiji berkata, dengan adanya program Supercharger yang dilaksanakan di negeri ini, rakyat Sabah, berpeluang untuk bersama-sama membina sebuah ekosistem inovasi yang dinamik dan berdaya saing, sekali gus meletakkan negeri ini di persada dunia sebagai hab inovasi yang unggul.

Hadir sama pada acara itu ialah Naib Canselor UMS Datuk Dr Kassim Md Mansur, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Persekutuan Datuk Mohd Yusof Apdal serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif.



HAJJI menyaksikan majlis pertukaran MoA antara Dr Kassim dan Dr Rais.

16/10/2024